

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 27 JANUARI 2023
AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 32

Selaras semula OPR lepas ekonomi pulih

Selaras semula OPR lepas ekonomi pulih

Kuala Lumpur: Dasar monetari perlu mencerminkan keadaan ekonomi dan tidak statik manakala peranan Bank Negara Malaysia (BNM) perlu dilihat sebagai bebas bagi membolehkan sedikit ruang intervensi apabila perlu, kata seorang ahli ekonomi.

Ketua Ahli Ekonomi dan Penyelidikan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Dr Mohd Afzanim Zam Abdul Rashid berkata mengelakkan kadar dasar semalam (OPR) rendah bagi tempoh yang terlalu lama boleh membawa kepada ketidakseimbangan.

"Orang ramai perlu memahami mengapa ada perubahan dalam pendirian dasar monetari dan ia juga perlu mencerminkan keadaan semasa ekonomi.

"Jika anda perasan bahawa apabila aktiviti ekonomi kita jatuh mendadak semasa pandemik Covid-19 pada 2020, kita menyaksikan OPR diturunkan daripada tiga peratus kepada serendah 1.75 peratus dalam tempoh ku-

rang daripada setahun.

"Ini kerana bank pusat mahu bantu ekonomi. Dengan menurunkan kadar, ia bermakna kos barang menjadi murah dan akan merangsang ekonomi melalui pelaburan dan penggunaan," katanya.

Mohd Afzanim berkata selepas ekonomi mula pulih dengan petanda aktiviti ekonomi yang meyakinkan, kadar ini perlu diselaraskan semula.

Pembukaan semula ekonomi serta sempadan antarabangsa sangat membantu dalam merancakkan semula aktiviti ekonomi, katanya, dan sudah tentunya OPR yang berada pada 1.75 peratus tidak seiring dengan tahap aktiviti ekonomi.

"Melihat pada tempoh sembilan bulan pertama Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tahun lepas yang berkembang pada kadar lebih daripada sembilan peratus, OPR perlu dinaikkan untuk bergerak sejajar dengan peningkatan ekonomi," katanya.